

25 tahun berdepan banjir kilat

Penduduk mohon MPS segera naik taraf sistem perparitan yang tidak sempurna

SYAIRI SHAARI

GOMBAK SETIA - Banjir kilat yang sering melanda di Jalan Sekolah di sini sejak 25 tahun didakwa berpunca daripada sistem perparitan tidak sempurna.

Terbaru, enam rumah berdekatan Jalan Sekolah sekali lagi menjadi mangsa banjir kilat dan ditenggelami air setinggi 0.3 meter.

Penduduk yang ditemui, Badaruzzaman Dahlan, 71, berkata, penduduk sudah hilang sabar setelah tiada pencegahan dan tindakan diambil untuk mengatasi masalah penduduk di sini.

"Penduduk telah menyatakan masalah tersebut beberapa kali kepada pihak berkuasa namun tiada satu pun tindakan diambil.

"Bayangkanlah hampir 25 tahun, setiap kali hujan lebat, air dari parit atau longkang akan melimpah memasuki rumah penduduk. Tapi tiada siapa yang mengambil berat perkara ini.

"Hanya satu saja permintaan penduduk iaitu memohon pelebaran longkang atau menaik taraf parit kerana longkang yang dibina sejak dulu sudah tidak mampu menampung air jika hujan," katanya.

Sementara itu, tinjauan *Sinar Harian* mendapati perparitan yang dibina sebelum ini terlalu kecil membuatkan air sukar disalurkan ke longkang utama.

Kaji sistem perparitan

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga Gombak Setia, Sharrul Azman Osman berkata, Majlis



SHARRUL AZMAN



BADARUZZAMAN



SHARIFAH

Perbandaran Selayang (MPS) perlu mengkaji semula keseluruhan sistem perparitan di sini.

Menurutnya, sekitar kawasan di Gombak Setia semakin pesat dengan penduduk dan pembangunan serta



Penduduk menunjukkan longkang yang menjadi punca banjir.

memerlukan pakar untuk mengkaji semula sistem yang sedia ada.

"Yang menjadi mangsa keadaan adalah penduduk di Jalan Sekolah kerana kedudukannya agak rendah berbanding Taman Melati apabila air turun dari kawasan tersebut.

"Melihat kepada situasi yang dihadapi penduduk sekarang, longkang yang sedia ada juga sudah tidak sesuai dan perlu dinaik taraf bagi memudahkan perjalanan air ke longkang utama," katanya.

Pada masa sama, wakil rakyat dan pemimpin setempat diharap dapat turun padang meninjau permasalahan ini dan menyelesaikan masalah 25 tahun ini bersama.

Tiada pihak tampil hulu bantuan

Penduduk, Sharifah Abin, 65, berkata, dia buntu dan sudah tidak tahu hendak mengadu kepada siapa dalam perkara ini.

"Semua pihak yang bertanggungjawab telah dimaklumkan tetapi tiada satu pihak yang benar-benar mahu membantu



Penduduk terpaksa menanggung kerugian setelah harta benda musnah dalam kejadian banjir yang kerap berlaku.

penduduk.

"Banjir kilat yang penduduk hadapi bukan sehari dua berlaku tetapi sudah berpuluh tahun namun tidak ada pihak yang tampil mengatasi masalah kami," katanya.

Sementara itu, Mohd Noor Husaini, 65, berkata, setiap kali hu-

jan lebat, air akan menderu turun dari Taman Melati dan melimpah ke rumah penduduk.

"Sebelum ini, masalah banjir kilat tidak pernah berlaku tetapi sejak adanya flat dibangunkan kira-kira 30 tahun lalu, pelbagai masalah mula timbul selepas itu," katanya.



Keadaan banjir baru-baru ini di Gombak Setia.